



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“TAHUN BAHARU HIJRAH: KE ARAH PENGHIJRAHAN MINDA – PENGHIJRAHAN BUDAYA”

21 Julai 2023 / 3 Muharram 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ^١ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّذِينَ كُلُّهُوَاكَفِىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^٢ وَعَلَى آلِهٖ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ^٣ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاَيِّ بِتَقْوَىِ اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Ilahi dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Alhamdulillah, dengan limpahan ihsan rahmat Ilahi, kita dipanjangkan usia, berpeluang melangkah ke tahun 1445 Hijrah. Bersempena tahun baharu Hijrah, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

“TAHUN BAHARU HIJRAH: KE ARAH PENGHIJRAHAN MINDA – PENGHIJRAHAN BUDAYA”

Firman Allah SWT, surah Al-Taubah ayat 20:

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ هُنَّ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa raga mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang yang hanya memberikan minuman kepada orang yang

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



mengerjakan haji dan orang yang memakmurkan masjid semata-mata). Dan mereka itulah orang yang berjaya.

Peristiwa hijrah membuka lembaran baharu umat Islam. Sewaktu usaha Baginda SAW menyebar risalah Islam, tidak disambut baik malah ditentang secara keras oleh kebanyakan penduduk Mekah, perintah berhijrah diwahyukan sebagai satu strategi membolehkan ummah menyusun gerakan baharu, membina keyakinan, menyuntik azam dan semangat, mengolah pendekatan baharu untuk menyebar dan mengembangkan risalah Islam.

Hijrah menghasilkan kejayaan. Terpupuk nilai persaudaraan sejagat dalam kalangan ummah, peradaban ummah berjaya dibangunkan, terbina ummah yang bertamadun, dan lahir sebuah negara Islam yang gemilang di bawah pimpinan Baginda SAW. Piagam Madinah digubal berlandaskan syariat Allah, diterima pakai sebagai panduan dan rujukan dalam sistem pemerintahan. Perlembagaan Madinah merupakan perlembagaan bertulis yang pertama wujud di dunia. Menghargai roh yang terkandung dan kejayaan yang tercipta melalui peristiwa hijrah, Sayidina Umar ibni Khattab RA memilih memasyurkan tarikh peristiwa tersebut sebagai tahun bermulanya takwim hijrah.

Para tetamu Allah yang dilimpahi keberkatan,

Matlamat hijrah adalah membawa perubahan. Pemahaman terhadap hijrah tidak harus terhad kepada peristiwa perpindahan fizikal dari kota Mekah ke Madinah, sebaliknya ummah perlu melihat hijrah dengan tafsiran yang luas, melalui lensa yang berupaya merungkai hikmah secara keseluruhan, menghayati semangat yang tersirat di sebalik yang tersurat, lalu melakukan pengubahsuaian diri untuk menghadapi cabaran kehidupan semasa. Sabda Rasulullah SAW:

لَا تَنْقِطُ الْهِجْرَةُ حَتَّىٰ تَنْقِطَ التَّوْبَةُ وَلَا تَنْقِطُ التَّوْبَةُ حَتَّىٰ تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا

Bermaksud: Tidak terhenti hijrah selagi tidak terhenti (kesempatan) bertaubat dan tidak terhenti taubat sehingga matahari terbit dari barat. (Hadis Riwayat Abu Daud)

Hadis tersebut mensahihkan, Islam menghendaki ummahnya sentiasa melakukan perubahan ke arah kebaikan diri, selagi tubuh masih bernyawa – selagi kiamat belum berlaku. Berhijrah ke arah kebaikan itu memerlukan pengorbanan, kesungguhan, azam dan kesabaran, namun jika dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah SWT, Insya-Allah segala usaha yang dirintis akan dipermudahkan.



Para Mukminin Rahimakumullah,

Mendepani perkembangan dunia semasa; perubahan harus dirintis ke arah peningkatan diri yang lebih baik, produktif dan berkualiti. Berpandukan azam yang tinggi serta tekad yang kukuh, ummah wajib berusaha untuk menjadi insan kamil – insan yang taat, dan insan yang patuh kepada syariat llahi, berilmu, berpengetahuan, berkemahiran, berakhhlak mulia, menabur bakti kepada agama bangsa dan negara. Jiwa dan minda perlu ditiupkan roh mahu melakukan perubahan, dan disemaikan semangat mahu melakukan penghijrahan minda – penghijrahan budaya.

Penghijrahan minda merujuk kepada minda yang memilih untuk keluar dari kepompong kejahilan – minda yang berani keluar dari zon keselesaan. Dunia kini sudah beralih kepada revolusi industri 5.0. Kebanyakan urusan kerja dan urusan kehidupan, kini diurus menggunakan teknologi dan sistem. Pelbagai urus niaga dan urusan kerja telah bertukar dari kaedah yang memerlukan kehadiran secara fizikal kepada hanya penggunaan internet mudah alih. Ummah wajib belajar menyesuaikan diri untuk berhadapan suasana kerja dan urusan yang menggunakan kaedah baharu. Dalam era digital ini, pelbagai kemahiran baharu perlu dikuasai dan pelbagai medium baharu harus dirintis.

Minda rasional sentiasa mahukan kemajuan; tidak sekadar berbangga dengan kemajuan terdahulu tetapi berusaha mencipta kemajuan baharu. Minda yang sihat membawa kepada warga yang tidak mengungkit dan bebal dengan kesilapan lalu, tetapi warga yang berani memperbaiki kekurangan diri, sentiasa menggalakkan kemajuan, juga warga yang memilih meninggalkan segala perbuatan khurafat, tindakan dunggu dan kepercayaan karut, beralih kepada tindakan yang berdasarkan kebijaksanaan akal dan penguasaan ilmu. Minda harus diperkaya dengan ilmu yang bermanfaat, dilengkapi tafsiran dan fahaman agama yang sahih, serta bimbingan daripada orang yang berpengalaman dan ahli dalam sesuatu bidang. Minda wajib dilatih berfikiran secara bijak - bertindak secara rasional.

Penghijrahan budaya merujuk kepada kesediaan meninggalkan budaya usang – budaya lapuk, beralih melakukan kegiatan-kegiatan yang mencerminkan keluhuran budi – bertunjangkan prinsip dan nilai Islam. Amalan gaya hidup tidak sihat seperti pengambilan makanan secara berlebihan dan tidak seimbang, merokok, tidak melakukan riadah secara berkala, tidak menjaga waktu rehat dan tidur yang sempurna,



pengabaian kebersihan, berhutang secara keterlaluan, tidak menepati waktu, mungkir janji, perbuatan berbohong dan sebagainya, wajib ditinggalkan.

Demi masa hadapan negara, demi memastikan negara akan dilimpahi kemakmuran, stabil, merdeka dan berdaulat, ummah juga wajib berhijrah mengamalkan budaya yang sihat, budaya yang memperlihatkan akal budi yang murni, budaya yang mencerminkan keikhlasan dan kejujuran, budaya yang merintis usaha untuk menyatupadukan rakyat dan menyeru rakyat untuk menumpukan usaha membangunkan ekonomi negara, agar negara menjadi negara yang kaya, makmur, aman lagi sejahtera.

Ummah wajib menolak budaya mengadu domba, budaya mencipta dan menyebar fitnah, budaya yang memecahbelahkan rakyat, budaya yang bertolak ansur dengan amalan rasuah dan menerima pemimpin yang rasuah, yang pada akhirnya mengakibatkan negara punah dan musnah. Jadikan tatacara dan hikmah kebijaksanaan Rasulullah SAW sebagai panduan oleh mereka yang diamanahkan dengan tanggungjawab memimpin atau diamanahkan menjadi ketua; budaya kepimpinan yang memperlihatkan kesopanan budi, ketinggian adab dan kebijaksanaan akal; budaya kepimpinan yang berhikmah, menyeru dan menganjurkan kebaikan dan melakukan kebajikan, budaya kepimpinan yang tegas menguatkuasakan undang-undang secara adil – secara saksama, melalui amalan dan barisan pemimpin yang berbudi pekerti, berintegriti, amanah, jujur dan ikhlas.

Para tetamu Allah yang dimuliakan,

Semoga tahun baharu 1445 Hijrah akan dilimpahi sinar cahaya yang dapat mengangkat martabat ummah; untuk itu mimbar menyenaraikan beberapa saranan:

Pertama: Memperingati wasiat Rasulullah SAW melalui sabda Baginda yang bermaksud, "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagi mana kamu berpegang dengannya iaitu Kitabullah (iaitu Al-Quran) dan Sunah Nabi. Ummah wajib mengamati, menghayati dan mengamalkan pesanan dan khazanah yang telah Baginda Rasulullah SAW tinggalkan kepada kita.

Kedua: Menggerakkan silaturahim sesama ummah dan menjalinkan ukhuwah atau semangat persaudaraan sesama insan agar terbina suasana hidup yang aman dan harmoni, mengamalkan sifat menghargai nilai-nilai persamaan, bukannya meninggikan tembok perbezaan.



Ketiga: Mengamalkan gaya hidup sihat dan budaya berdisiplin daripada segi berbelanja, bekerja, menepati waktu, pengambilan makanan, beriadah, kesihatan dan kebersihan, serta memastikan tubuh mempunyai waktu rehat dan waktu tidur yang sempurna.

Keempat: Meninggalkan tabiat-tabiat buruk yang merosakkan silaturahim, menjelaskan kesihatan, dan membazirkan masa, tenaga dan harta.

Kelima: Menjadi insan yang berkeyakinan tinggi, yakin kepada bantuan llahi, tidak mudah mengalah dan tidak mudah berputus asa.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ^٤ حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةٍ وَيُكَافِئُ مَزِيدَهُ . أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الْأَلِهِ^٥ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِي كَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا^٦

*اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ . اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ^٧ ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَنِيْهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمْ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ} .*

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Bimbing kami dengan semangat cekal melakukan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik, kehidupan lebih bermakna untuk diri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَيْ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Teks Promosi Sijil Pengajian Masjid (SPM) 2023/2024

(Untuk dibacakan oleh AJK Masjid atau Bilal pada hari Jumaat)

Masjid Negeri Perak sedang membuka pendaftaran bagi program Sijil Pengajian Masjid (SPM). Program ini merupakan program pengajian fardhu ain berstruktur dan bersukatan pelajaran khusus buat mereka yang serius dalam menuntut ilmu. Program ini diadakan di Masjid Negeri Perak, Ipoh. Yuran tahunan sebanyak RM500 dikenakan.

Sekiranya tuan/puan berminat sila dapatkan borang penyertaan di pejabat pentadbiran masjid kariah masing-masing dan hadir ke Hari Pendaftaran SPM pada 5 Ogos 2023. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 019-6908398 (Ust. Syed Putra) atau 05-2557964 (Pejabat). Anda juga boleh melayari Facebook rasmi Masjid Sultan Idris Shah II untuk mengikuti perkembangan semasa program ini.

Sebuah program pengajian berstruktur di masjid

SIJIL PENGAJIAN MASJID

SESI 2023/2024

6 Subjek Fardhu Ain ~ 3 tahap/tahun

- Aqidah & Tayyarat Fikriyyah
 - Fiqh & Usul Fiqh
 - Tasawwuf
- Tafsir & Ulum al-Quran
- Hadith & Mustolah al-Hadith
 - Sirah Nabawiyah

Subjek Tahap Lanjutan ~ tahun keempat

- Fiqh Awlawiyat
- Faraid
- Fiqh Dakwah

Yuran tahunan
RM 500 per individu

Tempoh pengajian
Setiap Sabtu, 8.00 pagi - 1.00 t/hari
Bermula 5 Ogos 2023

Daftar segera linktr.ee/masjidnegeriperak

Untuk maklumat lanjut hubungi 05-255 7964 (Pejabat) atau 019-690 8398 (Whatsapp)



SIJIL PENGAJIAN MASJID (SPM) 2023/2024
MASJID SULTAN IDRIS SHAH II (MASJID NEGERI PERAK)

Tel: 05-2557964
Email: masjidnegeripk@gmail.com

BUTIRAN PENDAFTAR

NAMA				NO. K/P	
ALAMAT RUMAH					
POSKOD		NEGERI			
NO. TEL	H/P		R		

TAHAP PENGAJIAN (PADA TAHUN 2022/2023)

Sila tandakan (✓) pada yang berkenaan

1	TAHAP 1 (PENGAMBILAN BARU)		YURAN: RM 500.00 / peserta <i>Tidak termasuk nota pengajian / kitab-kitab yang ditetapkan oleh pensyarah.</i>
2	TAHAP 2		
3	TAHAP 3		
4	SLPM (LANJUTAN)		

TANGGUNGJAWAB PESERTA

Peserta diwajibkan

- (1) menghadiri pengajian pada setiap hari Sabtu, jam 8.00 pagi - 1.00 petang ATAU pada tarikh yang ditetapkan;
- (2) membeli dan mendapatkan kitab yang telah ditetapkan oleh pensyarah sama ada melalui pihak Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) atau kedai-kedai buku yang berkenaan;
- (3) memaklumkan kepada pihak Masjid sekiranya tidak dapat hadir pada hari pengajian; dan
- (4) melakukan tugasan berkumpulan / individu yang telah ditetapkan pensyarah; dan
- (5) mengambil peperiksaan akhir sekiranya ingin mendapatkan sijil Pangkat yang lengkap.

TARIKH		NO. RESIT	
TANDATANGAN PEMBAYAR		TANDATANGAN PENERIMA	

Borang ini hendaklah dikembalikan kepada urusetia dalam keadaan bercetak di pejabat Pentadbiran atau / PDF yang telah diisi lengkap kepada:

1. Pejabat (05-2557964)
2. Emel: masjidnegeripk@gmail.com

KAEDAH PEMBAYARAN:

- 1) TUNAI
- 2) BANK ISLAM
secara online transfer:

08013010003930
TETUAN MASJID SULTAN IDRIS SHAH II

PERHATIAN

Semua pendaftaran dan pembayaran hendaklah diserahkan selewat-lewatnya pada **4 Ogos 2023** (Jumaat) jam **4.00 petang**.